

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berhasrat mempelawa petender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Cadangan Merekabentuk, Membina, Menyiapkan, Menguji Dan Mentauliah Pembinaan Asrama Pelajar, Pusat Antarabangsa Dan Mobiliti, Pusat Kemahiran Bahasa, Ruang-Ruang Sokongan Dan Infrastruktur Luaran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya Di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

1. NO. TENDER : **UPSI/T/17/2022**

2. KETERANGAN AM KERJA

I. Lokasi tapak bina terletak di Tanjong Malim, Perak

II. Skop kerja bagi projek ini merangkumi

- a) 13 unit kediaman pelajar jenis studio
- b) 204 unit kediaman pelajar jenis apartment
- c) 6 unit kediaman felo kolej
- d) Surau
- e) Bilik Gerakan Pelajar
- f) Pejabat Pengurusan Kolej
- g) Pejabat Pusat Antarabangsa dan Mobiliti (IMC) dan Pejabat Kemahiran Bahasa (PKB) dan dilengkapi dengan unit one stop centre, galeri, bilik pensyarah, makmal bahasa, student lounge, bilik persatuan
- h) Ruang *Food Republic & Hall* seperti dewan makan, minimart, dobi dan lot kedai
- i) Ruang Gunasama seperti dewan serbaguna, bilik mesyuarat, kafeteria, surau dan tandas
- j) Ruang-ruang sokongan seperti kafe *roof top*, *bus stop*, *food truck*, *parking*, gelanggang sukan, rumah sampah, bangunan pencawang elektrik dan lain-lain
- k) Sistem Mekanikal & Elektrikal, ICT dan Telekomunikasi
- l) Infrastruktur dan kerja luaran dan lain-lain berkaitan

III. Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan Jun 2023 dan tempoh penyiapan adalah 36 bulan.

3. SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-

I. Pendaftaran Kontraktor

- a) Jenis Syarikat – T1 – Syarikat 100% milik warganegara tempatan
- b) Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut;
 - i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G7
 - ii. Kategori B – Bangunan
 - iii. Pengkhususan B04 – Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan
 - iv. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU)
 - v. Mempunyai Sijil SCORE CIDB yang masih sah dengan minimum 2 Bintang

- c) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) TIDAK LAYAK untuk menyertai Pra Kelayakan ini.
 - d) Setiap pendaftaran seperti di perenggan i, ii dan iii hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup pra kelayakan.
- II. Keupayaan Kontraktor
- a) Keupayaan Kewangan
Mempunyai *Nett Worth* melebihi RM4,800,000.00 atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi RM2,400,000.00 atau Modal Mudah Cair melebihi RM5,680,000.00
 - b) Keupayaan Teknikal
 - i. Telah melaksanakan projek pembinaan yang serupa yang dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tidak kurang RM 7,200,000.00 dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
 - ii. Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan dan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu.
- III. Perunding Kontraktor
- Kontraktor hendaklah melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not in-house consultants*) seperti berikut :-
- a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
 - b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
4. Taklimat lawatan tapak akan diadakan pada **05 Januari 2023 (Khamis)** jam **10.00 Pagi** bertempat di **Bilik Kuliah 3, Aras 1, Blok A, Kompleks Akademik, Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS), UPSI** (hanya penama dalam sijil CIDB sahaja yang dibenarkan hadir lawatan tapak wajib)
5. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat Unit Perolehan Dan Kontrak, Jabatan Bendahari 2, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak dari **05 Januari 2023 (Khamis)** selepas sesi taklimat lawatan tapak sehingga **26 Januari 2023 (Khamis)** dari Jam 8.00 pagi sehingga 4.30 Petang.
6. Syarikat-syarikat yang berminat memasuki tender adalah dikehendaki mengemukakan sijil asal (termasuk satu salinan) CIDB, SSM dan Kad Pengenalan pemilik lesen. Hanya penama dalam sijil CIDB sahaja atau kakitangan syarikat yang sah dinamakan dalam Surat Perwakilan Kuasa sahaja dibenarkan untuk membeli tender.
7. **Harga dokumen** ialah **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat dengan melalui **Kad Debit/ kredit**. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
8. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat **Unit Perolehan Dan Kontrak, Jabatan Bendahari 2, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KJSAS), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak** pada **26 Januari 2023 (Khamis)** pada atau sebelum jam **12.00** tengahari.

9. Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berkenaan tender tersebut, sila hubungi pegawai berikut bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang (Isnin – Jumaat) seperti berikut:
- I. Pejabat Perolehan, Bendahari: 05-4506307, 6309, 6552 Hotline: 013-4309615, email perolehan@bendahari.upsi.edu.my (pendaftaran syarikat dan pembelian dokumen tender)
 - II. Pejabat Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JPPHB: 05-4505989 (info dokumen tender)